

Gerakan penerangan sekat pengaruh komunis diteruskan

JOHOR BAHRU, Jumaat — Kerajaan Johor akan terus melancarkan gerakan penerangan ke seluruh negeri dalam usaha menyekat pengaruh subversif komunis, antinasional dan jenayah, kata Menteri Besar, Datuk Abdul Ajib Ahmad.

Ketika berucap di majlis teriman hari keputeraan baginda Sultan yang ke-51 hari ini, beliau berkata, kedudukan keselamatan di negeri ini sentiasa terkawal.

"Kerajaan sentiasa berwaspada supaya keselamatan dan keamanan negeri ini tetap terjamin," tegasnya.

Menurut beliau, rakyat negeri ini hidup dalam keadaan baik dan aman, bersatu-padu, bekerja keras untuk meninggikan lagi taraf kehidupan dengan berpegang teguh kepada asas ekonomi yang kukuh.

Keutamaan

"Dalam menghadapi suasana kemelasetan ekonomi negara, rakyat hendaklah mempunyai azam terus membantu dan melegakan kerajaan dari tekanan kemelasetan. Kerajaan negeri pula akan terus berusaha mengawal perbelanjaan dan berikhilaf meningkatkan pendapatan melalui strategi belanjawan yang berpatutan," tegasnya.

Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, tambah beliau, sentiasa diingatkan supaya memberi keutamaan kepada kepentingan negara dan

rakyat dan tidak hanya mementingkan diri sahaja.

Beliau menambah, kerajaan akan terus mempertingkatkan usaha pembangunan seperti menyediakan rumah murah dan harga sederhana di seluruh negeri.

"Projek-projek pertanian, perindustrian dan pelancongan telah disusun rapi bagi kepentingan masa depan rakyat negeri ini," ujarnya.

Di samping projek itu, kerajaan juga memastikan kemajuan pelajaran dan kemajuan agama Islam serta perkembangannya berjalan pesat.

"Sebagai agama rasmi negeri ini, Islam disebarkan dengan gigih oleh pegawai dan pemimpin agama ke seluruh lapisan rakyat.

"Jabatan Agama Islam juga sentiasa mengawasi serta menguatkuasakan pencegahan atas ajaran salah di samping memastikan agama lain berjalan baik," tegasnya.

Menyentuh masalah kekurangan air baru-baru ini, Menteri Besar berkata, kerajaan di semua peringkat berusaha sedaya-upaya mengatasinya. Rancangan menambah bekalan air di masa depan akan terus dirancang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia